



E-BULETIN
LADA

EDISI 3

BERITA UTAMA

M/S

 YB Tuan Haji Juhari Bulat, Adun Ayer Hangat. Dilantik Sebagai Pengerusi Bersama LADA	02
 Taklimat Pakej Rangsangan Ekonomi (Pre 2020), Bantuan Sara Hidup (BSH) Dan Skim Perlindungan Mysalam	03
 Program Jom Taja Buku 'Bangsa Membaca Bangsa Berjaya'	04
 Lawatan Khas Oleh YBhg. Datuk Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) Ke LADA.	05
 Majlis Anugerah Kecemerlangan Langkawi (A-Kawi).	06 - 07
 Majlis Pelancaran Video Dokumentari Mikro Langkawi.	08 - 09
 Majlis Sanjungan Budi, Sulaman Kasih Tuan Zepri Saad	10

AKTIVITI BAHAGIAN / UNIT

M/S

 UNIT INTEGRITI Kenali Hak - Hak Agensi Atau Individu Dalam Mendepani Siasatan SPRM	12
 UNIT LATIHAN & KOPETENSI, BSMKP Program i-Talk Siri 1 Tahun 2020: Pengkisahan Tumbuk Rusuk Telunjuk Lurus Kelingking Berkait	13
● Bengkel Tatacara Pengenaan Surcaj LADA.	13
● Program i-Talk Siri 2 Tahun 2020: Pengkisahan Tumbuk Rusuk Telunjuk Lurus Kelingking Berkait - Pengkisahan Dari Tirai Besi	14
 BAHAGIAN PELANCONGAN Geopark Icon.	15
● Temubual Santai Bersama Josh dan Jacinta Bender di Vivanta Rebak Island Langkawi	16
● Pameran LAVAA X Sempena Ulangtahun Penubuhan Ke 10	17
● Majlis Makan Malam 11th Fellowship Tourism Langkawi Gathering.	18
 BAHAGIAN KEWANGAN Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Lembaga Pengarah LADA.	19
 UNIT UNDANG UNDANG ● Mesyuarat Cadangan Pindaan Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990 (Akta 423)	20

AKTIVITI BAHAGIAN / UNIT

M/S

AB/U	UNIT KHIDMAT KORPORAT	
	Program Bicara Ilmu Sempena Maal Hijrah	21
	Program <i>Digital School Of Langkawi</i> : E-usahawan	22
AB/U	BAHAGIAN PERANCANG	
	Lawatan Tapak	23-25
LR	LAWATAN RASMI	
	Lawatan Kerja YB. Menteri Tenaga Dan Sumber Asli Ke Langkawi	27
	Lawatan Pengarah Plan Malaysia Johor	28
	Lawatan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Bersama LADA	29
	Lawatan & Taklimat Berkenaan Projek Insinerator Langkawi.	30
	Lawatan Daripada Persatuan Sentuhan Kembara Malaysia	31
	Lawatan Oleh Sekretariat Pulau Bebas Cukai Pangkor, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.	32
	Lawatan Oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis	33
	Tourism Selangor Turun Padang Ke Langkawi	34
	Kunjungan Daripada Pejabat SUK Perlis	35
	Lawatan Penanda Aras Ke Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Bukit Perak, Pendang	36
MS	MEDIA SOSIAL	37-40
	SIDANG EDITOR E-BULETIN LADA EDISI 3/2020	41

YB TUAN HAJI JUHARI BULAT ADUN AYER HANGAT DILANTIK SEBAGAI PENERUS BERSAMA LADA

13 Julai – YB Tuan Haji Juhari Bulat, ADUN Air Hangat telah dilantik sebagai Pengerusi Bersama Jemaah Pengarah LADA berkuatkuasa pada 1 Jun 2020. Lanjutan dari pelantikan ini, beliau telah mengadakan lawatan rasmi ke LADA bagi mendapat gambaran berkaitan pengurusan jabatan dan hala tuju LADA.

Kunjungan ini telah disambut oleh Pengurusan Tertinggi LADA yang diketuai oleh YBhg. Dr. Hezri Adnan, Ketua Pegawai Eksekutif beserta pegawai-pegawai kanan bahagian/unit. Taklimat berkaitan hal ehwal perkhidmatan dan pengurusan sumber manusia telah disampaikan oleh En. Norshuhaidy bin Shabudin, Pengurus Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan.

Di dalam sesi yang sama, perbincangan berkaitan hala tuju LADA turut diperhalusi sebagai persiapan kepada pemulihan semula industri pelancongan di Langkawi. Ketua Pegawai Eksekutif turut berkongsi maklumat akan perancangan Pelan Hala Tuju Ekonomi Langkawi @ HELANG yang bermatlamat untuk memulihkan dan memperkasakan ekonomi komuniti di Langkawi, menjenamakan semula Langkawi sebagai destinasi yang selamat, bersih dan lestari serta mempromosikan pelancongan Langkawi secara berfokus.

Warga LADA mengucapkan tahniah di atas pelantikan dan berharap LADA akan terus gemilang di bawah pimpinan YB Tuan Haji Juhari Bulat, ADUN Ayer Hangat sebagai Pengerusi Bersama Jemaah Pengarah LADA.

#HalaTujuEkonomiLangkawi
#KitaJagaLGKW



2

TAKLIMAT PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI (PRE 2020), BANTUAN SARA HIDUP (BSH) DAN SKIM PERLINDUNGAN MYSALAM

12 Ogos – LADA dengan kerjasama Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Unit Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional (LAKSANA) telah menganjurkan Taklimat Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE 2020), Bantuan Sara Hidup (BSH) dan Skim Perlindungan MySalam bertempat di Dewan Badminton, Kompleks Sukan Langkawi.

Taklimat ini bertujuan untuk memberi pemahaman dan menjelaskan inisiatif-inisiatif yang telah diumumkan oleh Kerajaan kepada semua penggiat industri pelancongan, komuniti dan individu yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19.

Taklimat ini telah dihadiri oleh 350 peserta yang terdiri daripada agensi, pemain industri pelancongan, NGO dan juga individu perseorangan. Sesi taklimat ini telah dikendalikan oleh YBrs. Encik Mohd Reza bin Mohd Hatta, Ketua Pengurus Projek, Unit Koordinasi Stimulus Ekonomi. Antara Agensi Nasional (LAKSANA), YBrs. Encik Mohamad Khairul Nazri bin Ghazali, Ketua Penolong Pengarah Belanjawan, Ketua Sekretariat BSH dan YBrs. Encik Khairul Anuar Bin Che Yeop, Ketua Skim MySalam.

Majlis Pembukaan telah disempurnakan oleh Tuan Haji Rohaizad bin Rashid, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) LADA. Diharapkan dengan pelbagai inisiatif dan pakej ekonomi yang telah dirangka sedikit sebanyak dapat meringankan beban rakyat yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19.



3



PROGRAM 'JOM TAJA BUKU 'BANGSA MEMBACA BANGSA BERJAYA'

10 Ogos – Dr. Hezri Adnan, Ketua Pegawai Eksekutif LADA telah berbesar hati menerima jemputan dari Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) bagi menyertai Program 'Jom Taja Buku 'Bangsa Membaca Bangsa Berjaya' bertempat di Perpustakaan Awam Langkawi.

Bagi menyokong program ini, LADA telah menyumbang sebanyak 446 judul buku dalam pelbagai bidang rujukan untuk dimanfaatkan di perpustakaan ini. Dengan Tema 'Malaysia Membaca', program ini diharapkan dapat memupuk budaya membaca di semua lapisan masyarakat terutamanya anak muda Langkawi. Usaha murni sebegini wajar diteruskan oleh semua pihak supaya pembangunan modal insan dapat diperkasakan, seterusnya melahirkan masyarakat yang mempunyai imiginasi, inovatif dan minda positif.

Program turut dihadiri oleh Tuan Sakri Bin Abdullah, Pengurus Besar merangkap Ketua Pegawai Eksekutif ITBM dan Puan Norfardilla bt Mohd Nor, Timbalan Pengarah, Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah selaku penganjur program.



#KempenMembacaKebangsaan
#MalaysiaMembaca
#LangkawiMembaca
#KitaJagaLangkawi

4

LAWATAN KHAS OLEH YBHG. DATUK MOHD KHAIRUL ADIB BIN ABD RAHMAN, KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM (KPPA) KE LADA

13 Ogos – Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) telah menerima lawatan khas daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) iaitu YBhg. Datuk Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman. Di dalam sesi lawatan ini, YBrs. Dr. Hezri Adnan, Ketua Pegawai Eksekutif LADA telah menyampaikan taklimat berkaitan pembangunan serta isu semasa Langkawi.

Sesi ini telah dihadiri oleh semua pengurus bahagian LADA dan wakil dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). KPPA turut menyampaikan amanat beliau kepada warga LADA untuk terus memberikan perkhidmatan yang tidak berbelah bahagi, seterusnya memperkasakan perkhidmatan awam dengan amalan integriti dan nilai-nilai murni. Turut ditekankan supaya warga LADA terus bersama-sama pihak Kerajaan untuk memerangi penularan COVID-19 dengan mengamalkan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang telah ditetapkan.



5



16 Ogos, Majlis Anugerah Kecemerlangan Pelajar Langkawi atau lebih dikenali sebagai A-KAWI merupakan acara tahunan yang dinantikan oleh pelajar di Langkawi. Pada penganjuran kali ke-7 ini, sekali lagi LADA berganding bahu bersama Pejabat Pendidikan Daerah Langkawi menjayakan majlis ini dalam keadaan sederhana tetapi meriah. Tujuan utama majlis ini diadakan adalah untuk meraikan pelajar cemerlang di dalam peperiksaan utama.

Pada penganjuran kali ini, majlis ini dibahagikan kepada 6 sesi bagi mematuhi SOP yang dikeluarkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) akibat penularan wabak COVID-19 di dalam negara. Jumlah penerima anugerah pada penganjuran kali ini ialah seramai 89 orang pelajar dengan pecahan 16 penerima bagi peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), 15 penerima bagi peperiksaan Penilaian Tingkatan 3 (PT3), 26 penerima bagi peperiksaan Sijil Penilaian Malaysia (SPM) dan 32 penerima bagi peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM).



6

Pada sesi ke-6 penganugerahan merupakan acara kemuncak dengan penganugerahan kategori Pelajar Terbaik dan Anugerah Khas Sekolah turut disampaikan pada sesi terakhir yang telah disempurnakan oleh YBhg. Dr. Hezri b. Adnan, Ketua Pegawai Eksekutif LADA.



7


3 September - Seperti yang kita tahu, industri pelancongan negara telah mengalami kejatuhan dan berhadapan dengan impak besar apabila dunia digemparkan dengan penularan wabak COVID-19. LADA selaku agensi persekutuan di pulau ini telah mengambil inisiatif menyediakan Pelan Hala Tuju Ekonomi Langkawi @ HELANG bagi memulihkan semula ekonomi penduduk setempat.

Majlis Pelancaran Video Dokumentari Mikro yang disempurnakan oleh YAB. Tuan Haji Muhammad Sanusi bin Md Nor, Menteri Besar Kedah telah diadakan bertujuan memperkenalkan video dokumentari mikro yang membawa naratif baru Langkawi sebagai sebuah destinasi pelancongan budaya. Kesemua dokumentari tersebut bakal memperkenalkan Langkawi sebagai destinasi pelancongan yang memiliki nilai pendidikan dari sudut alam sekitar (*nature*), budaya penduduk setempat (*people & culture*) dan makanan (*food*).

Penerbitan dokumentari mikro ini adalah berdasarkan konsep perkongsian pengalaman (*storytelling*) dari individu atau tokoh yang terlibat secara langsung dengan pembangunan industri pelancongan Langkawi. Promosi dokumentari mikro ini dilaksanakan melalui pautan semua media sosial LADA dan Walkabout Asia secara berjadual selama 10 minggu mulai 13 Ogos 2020. Dengan jumlah 500,000 orang peminat peminat (*follower*) yang mempunyai 500,000 orang penonton bagi setiap video yang dimuatnaik usaha mempromosikan Langkawi dapat dilaksanakan dengan lebih baik.

Senarai video dokumentari mikro yang telah dan akan dikongsikan adalah seperti berikut:

1. Pandai Kayu
2. Beras Terbakar
3. Gua Pinang
4. Herba Hutan
5. Mahsuri
6. Jikey
7. Dropstone
8. Laktud
9. Kebuk Arang
10. Menunggang Kuda



Di dalam majlis yang sama, satu sesi sidang media telah diadakan bersama YBrs. Dr. Hezri Adnan, Ketua Pegawai Eksekutif LADA. LADA positif bahawa penghasilan dokumentari mikro ini akan membantu meningkatkan keinginan pelancong domestik untuk merasai dan menikmati sendiri pengalaman bercuti di Langkawi. Ini sekaligus dapat melonjakkan semula industri pelancongan Langkawi, meningkatkan pendapatan penduduk tempatan seterusnya memberikan manfaat kepada semua pihak.



20 September - Berlangsungnya Majlis Sanjungan Budi, Sulaman Kasih yang diadakan sebagai tanda apresiasi kepada Tuan Haji Zepri bin Saad di atas khidmat bakti beliau sepanjang tempoh perkhidmatan di LADA sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perancangan Dan Pembangunan).

Majlis ini turut dihadiri oleh warga LADA dan pegawai daripada anak-anak syarikat LADA iaitu daripada Panorama Langkawi Sdn. Bhd., LADA-Eco Tourism Sdn. Bhd. dan Langkawi Port Sdn. Bhd. Majlis dimulai dengan tayangan bingkisan video sepanjang tempoh perkhidmatan beliau di LADA selama 1 tahun 8 bulan, disusuli ucapan daripada yang diraikan Tuan Haji Zepri bin Saad. Majlis selanjutnya juga telah diserikan dengan ucapan penghargaan daripada YBrs. Dr. Hezri Adnan, Ketua Pegawai Eksekutif mewakili seluruh warga LADA.

Sesi *clock-out* kad perakam waktu terakhir dan sesi bergambar turut diadakan sebagai tanda kenangan sebelum beliau meninggalkan Kompleks LADA. Seluruh warga LADA mengucapkan selamat maju jaya kepada Tuan Haji Zepri bin Saad yang akan memulakan tugas sebagai Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis (Pembangunan).



6 Julai 2020 – Mekanisme Unit Integriti dalam memberi pendidikan serta pengetahuan berterusan mengenai kedudukan dan kehendak semasa kerajaan di dalam pengukuhan isu integriti telah diambil melalui penganjuran taklimat bersama pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang telah disampaikan oleh Tuan Mohd Zaini Bin Hassan, Timbalan Pengarah SPRM Cawangan Langkawi.

Sesi taklimat yang berfokus mengenai prosedur siasatan yang dikuatkuasakan di bawah SPRM telah memberi pendedahan dan membuka ruang pengetahuan baharu kepada peserta-peserta yang terlibat untuk memahami dan mengetahui dengan jelas arahan dan prosedur yang dikuatkuasakan kerajaan kini dalam mendepani siasatan di bawah SPRM khususnya.

Penglibatan seramai 28 orang pegawai yang terdiri daripada barisan Pengurusan Tertinggi LADA dan pegawai-pegawai daripada Kumpulan Pengurusan & Profesional LADA telah memberi impak yang baik serta mendapat maklumbalas positif supaya program-program sebegini terus dijalankan dari semasa ke semasa supaya LADA sentiasa cakna dan serius di dalam menangani isu integriti seterusnya melahirkan warga kerja yang telus dan berintegriti tinggi.



20 Julai – Dalam merealisasikan pelan kerajaan untuk menangani dan membanteras jenayah rasuah di dalam kalangan penjawat awam khususnya, LADA menerusi Unit Latihan & Kompetensi telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan modul taklimat di bawah Program I-Talk Tahun 2020.

LADA telah menjemput Tuan Mohd Firdaus Bin Ramlan untuk berkongsi pengalaman sebenar beliau yang pernah dijatuhkan hukuman dibawah jenayah rasuah. Perkongsian realiti kehidupan di sebalik tirai besi bermula dari tahanan reman sehinggalah dijatuhkan hukuman. Program ini telah dihadiri oleh 20 orang pegawai-pegawai dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional LADA.



#integritytoday
#upholdyourintegrity
#bahanarasuah
#sayangikerjaya
#sayangikeluarga

BENGKEL TATACARA PENGENAAN SURCAJ LADA

21 Julai – LADA menerusi Unit Integriti telah menganjurkan Bengkel Tatacara Pengenaan Surcaj LADA dengan penglibatan seramai 31 orang pegawai dan kakitangan LADA di Hotel Bayview, Langkawi. Objektif penganjuran bengkel ini adalah untuk memberi kefahaman yang lebih mendalam berhubung tatacara pengenalan surcaj di samping memastikan keteraturan pelaksanaan proses surcaj di LADA.



#IntegrityToday

12

13

#IntegrityToday

14 September - Bagi siri kedua Program i-Talk Tahun 2020 berkaitan bahana rasuah telah diadakan di LADA dan ianya disampaikan oleh Tuan Mohd Firdaus Bin Ramlan, Bekas Majistret Kelantan. Program ini merupakan pengkongsian secara 'real life experience' di mana pengkisahan dari tirai besi selama tiga tahun yang dialami sendiri oleh penceramah pada tahun 2010.

Program ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan berkaitan bahana rasuah di samping menyahut seruan kerajaan dalam memerangi jenayah rasuah di negara kita di samping selaras dengan amanat daripada YBhg. Tan Sri KPPA supaya setiap individu memiliki "DNA penjawat awam iaitu berintegriti, pantas dan profesional dalam menunaikan tanggungjawab".



#integritytoday
#upholdyourintegrity
#bahanarasuah
#sayangikerjaya
#sayangikeluarga

14

15 Julai – Bahagian Pelancongan sekali lagi telah menganjurkan Geopark Icon iaitu satu majlis penghargaan kepada 66 individu yang mewakili agensi, sekolah, pemain industri, NGO dan komuniti setempat di atas sumbangan dan keterlibatan yang aktif dalam memperkasa Langkawi UNESCO Global Geopark. Majlis ini telah dirasmikan oleh Tuan Haji Zepri Saad, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Sektor Perancangan dan Pembangunan LADA.

Majlis pengiktirafan ini diadakan sebagai satu usaha untuk memberi nilai tambah kepada inisiatif yang telah di perkenalkan di Langkawi UNESCO Global Geopark. Antara inisiatif yang dimaksudkan ialah GEOproduk, GEOguide, GEOambassador, GEOfood dan GeoPartner. Inisiatif ini sejajar dengan kriteria penilaian UNESCO iaitu dengan mengetengahkan penglibatan komuniti dan menjadikan Geopark sebagai kepunyaan komuniti setempat selaras dengan matlamat pembangunan Geopark dan kehendak UNESCO.

Lantaran itu, Geopark Icon ini diadakan sebagai satu kaedah menyampaikan penghargaan kepada kepada komuniti tempatan yang menyumbang kepada kejayaan Langkawi UNESCO Global Geopark. Turut dihadiri oleh YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo, Penasihat Langkawi UNESCO Global Geopark.



15

#IntegrityToday

28 Julai – Josh dan Jacinta telah membuat keputusan untuk tidak pulang ke Australia apabila sempadan negara tersebut ditutup pada 18 Mac 2020 akibat penularan COVID-19. Pasangan *Influencer* ini tiba di Langkawi untuk bercuti awal Mac 2020 telah mula menulis pengalaman bercuti di Langkawi di dalam blog percutian milik mereka iaitu *Forever Break*.

Ternyata tidak menyesali keputusan untuk menghabiskan percutian selama 4 bulan di Langkawi, pasangan ini telah menjalinkan kerjasama dengan pihak LADA bagi mempromosikan Langkawi melalui laman <https://foreverbreak.com/travel/malaysia/langkawi/>. Selain dari itu pasangan ini juga turut memiliki beberapa akaun di aplikasi *Instagram*, *Youtube* dan *Facebook* dengan menggunakan nama *foreverbreak*.



#NaturallyLangkawi
#LangkawiGeopark

16

28 Julai – Persatuan Anak Seni Langkawi atau lebih dikenali dengan nama LAVAA telah menganjurkan Pameran LAVAA X bersempena ulangtahun penubuhan yang ke-10 pertubuhan ini. Pameran yang berlangsung selama sebulan bermula pada 1 Julai 2020 ini merupakan program kerjasama strategik di antara Persatuan Anak Seni Langkawi (LAVAA), NAG Langkawi & LADA menempatkan sebanyak 30 buah hasil seni pelbagai media oleh 17 ahli LAVAA yang aktif berkarya.



#naturallylangkawi
#TerasBudayaSetempat&Kelestarian
#PenjenamaanLangkawi
#HalaTujuEkonomiLangkawi@HELANG

17

14 Ogos – Majlis anjuran bersama Persatuan Pemandu Pelancong Langkawi dan LADA telah berlangsung dengan meriah dan sederhana di Hotel Adya Langkawi. Majlis ini turut dihadiri oleh YB En Firdaus Ahmad, EXCO Pelancongan Negeri Kedah, wakil-wakil agensi kerajaan & NGO. Bersempena majlis ini juga, satu majlis perasmian Kuah Down Memory Lane turut diadakan yang diilhamkan oleh Persatuan Pemandu Pelancong Langkawi dan disokong oleh LADA dalam usaha untuk mempromosikan pelancongan yang berunsurkan sejarah dan budaya di Langkawi.



#KitaJagaLangkawi

18

16 Julai – Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Lembaga Pengarah LADA telah diadakan hari ini bagi memantau prestasi kewangan LADA bagi suku tahun ke-3 tahun 2020. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Haji Mohamad Bin Ismail, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) dan turut dihadiri oleh Puan Nazhatun Binti Md. Rejab, Bendahari Negeri Kedah bersama Pengurusan LADA. Jawatankuasa ini dijadualkan bersidang sebanyak 4 kali setahun dan akan memperaku laporan prestasi tahunan LADA dan perkara berkaitan pengurusan kewangan untuk dibentangkan kepada Jemaah Pengarah LADA.



19

17 Julai – LADA telah mengendalikan mesyuarat berkenaan cadangan pindaan Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990 (Akta 423) bertempat di Ombak Villa. Mesyuarat bertujuan untuk membincangkan beberapa perkara yang dilihat sesuai untuk dipinda dan dilaksanakan bagi memperkukuh dan memantapkan tadbir urus LADA. Tindakan ini adalah bagi memastikan setiap urus tadbir yang disempurnakan selari dengan fungsi dan peranan LADA. Turut hadir pada mesyuarat ini ialah beberapa pegawai dari Kementerian Kewangan Malaysia.



#KitaJagaLangkawi

20

23 Ogos - Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dengan kerjasama Masjid Al-Hana telah menganjurkan Program Bicara Ilmu Sempena Maal Hijrah pada 23 Ogos 2020 (Ahad), bertempat di Masjid Al-Hana. Kuliah Maghrib bertajuk "Nak Stay Atau Hijrah" telah disampaikan oleh YBhg Dato' Badlishah Alaudin bertempat di Masjid Al-Hana, Kuah. Semoga ilmu yang diperolehi dapat dimanfaatkan bersama.



#KitaJagaLangkawi

21

Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dengan kerjasama Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) telah menganjurkan Program Digital School Of Langkawi : E-Usahawan pada 22 & 23 Ogos 2020 bertempat di Hotel Adya, Langkawi. Program ini disertai oleh 80 orang peserta dari kalangan usahawan kecil Langkawi. Antara fokus utama penganjuran program ini adalah bagi memberikan pendedahan dan meningkatkan ilmu pengetahuan usahawan di dalam asas pemasaran digital sebagai persediaan mendepani cabaran semasa, terutamanya ketika negara dilanda wabak COVID-19. Majlis penutup dan penyampaian sijil telah disampaikan oleh YBrs. Tn. Hj. Rohaizad Bin Rashid, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif LADA (Pengurusan).



#HalaTujuEkonomiLangkawi@HELANG
#KitaJagaLangkawi

TARIKH : 20 Ogos 2020

TEMPAT : Kompleks Sukan, Taman Legenda, Kuala Sungai Melaka, Dan Taman Desa Permata

TUJUAN : Bagi Mengenalpasti Pokok-pokok Berisiko Untuk Tumbang Dan Membahayakan Pengguna Awam Di Lokasi-lokasi Tanah Milik LADA Iaitu Di Kompleks Sukan, Taman Legenda, Kuala Sungai Melaka, Dan Taman Desa Permata



TARIKH : 01 Julai 2020

TEMPAT : Pt1012, Ayer Hangat

TUJUAN : Lawatan Tapak Bertujuan Untuk Mengenal Pasti Lokasi Tanah, dan Cadangan Pembangunan Yang Dicadangkan Di Kawasan Tersebut Agar Selari Dengan Surat Tawaran Yang Dikeluarkan Oleh LADA Bagi Projek Rintis Pertanian.



TARIKH : 25 Ogos 2020

TEMPAT : Gunung Raya, Ulu Melaka

TUJUAN : Cadangan Pembangunan Semula Gunung Raya - Penyediaan Pelan Konsep Pembangunan Semula Gunung Raya Bagi Tujuan Penyediaan RFP Oleh Bahagian Pelaburan. Lawatan Tapak Juga Bertujuan Untuk Mengenal Pasti Skop Kerja-kerja Pembaikan Yang Perlu Dilaksanakan Oleh Bahagian Kejuruteraan Teknikal)



TARIKH : 27 Ogos 2020

TEMPAT : Laman Padi, Kedawang (Cadangan Pembangunan Semula Laman Padi)

TUJUAN : Lawatan Tapak Bagi Mengenal Pasti Potensi Pembangunan Yang Boleh Dibangunkan Di Laman Padi Bagi Tujuan Untuk Memperkenalkan Semula Laman Padi Sebagai Salah Satu Produk Wajib Lawat Di Langkawi. Konsep Pembangunan Tersebut Akan Dibentangkan Di Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan, Pembangunan & Pelaburan Bagi Mendapatkan Kelulusan Pengurusan Atasan.



TARIKH

TEMPAT

TUJUAN : 9 September 2020

: Taman Botani, Pantai Kok

: Lawatan Tapak Ini Adalah Bertujuan Bagi Mengenalpasti Persempadanan Tanah Yang Telah Dipajak Oleh LADA Kepada Syarikat Tradewinds Bagi Maksud Taman Rama-rama.



TARIKH : 9 September 2020

TEMPAT : Pulau Tepor, Kedawang (Cadangan Pembangunan Pulau Tepor (Tepor Reactivation)

: Lawatan Tapak Bertujuan Untuk Penyediaan Pelan Konsep Pembangunan Pulau Tepor Dan Cadangan Tersebut Akan Dibentangkan Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan, Pembangunan & Pelaburan Bagi Kelulusan KPE.



LR

LAWATAN RASMI

10 Julai – YB. Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Hj Nasarah, Menteri Tenaga Dan Sumber Asli telah mengadakan lawatan rasmi ke Langkawi Geopark Discovery Center yang terletak di Jeti Kilim Langkawi Kedah. Lawatan ini bertujuan mendapatkan gambaran dan penjelasan lebih jelas berkaitan pengiktirafan yang telah diterima oleh pulau pelancongan ini sebagai UNESCO Global Geopark yang ke-52 di dunia dan pertama di Rantau Asia Tenggara.

Lawatan turut disertai oleh hampir 30 orang pegawai dan warga kerja Kementerian Tenaga dan Sumber Asli telah disambut oleh En Azmil Munif Bukhari, Pengurus Pelancongan. Satu sesi taklimat ringkas telah disampaikan oleh beliau bagi menerangkan keunikan geologi dan biologi di Langkawi sehingga diiktiraf sebagai UNESCO Global Geopark pada tahun 2007. Selain dari itu, delegasi rombongan turut dibawa melawat sekitar Kilim Karst Geoforest Park yang merupakan kawasan konservasi bagi mendapatkan gambaran lebih jelas berkaitan kerjasama LADA dan pihak komuniti Kampung Kilim dalam menguruskan kawasan ini.

Pihak Kementerian Tenaga dan Sumber Asli berhasrat untuk memperkasa pengurusan Jawatankuasa Geopark Kebangsaan Geowarisan dan Geopelancongan bagi memastikan supaya lebih banyak kawasan yang berpotensi di Malaysia mendapat pengiktirafan ini. Antara yang telah dikenalpasti ialah Geopark Jerai, Geopark Lembah Kinta, Geopark Gunung Kinabalu, Geopark Delta Sarawak dan Geopark Tasik Kenyir.

26

27

#KitaJagaLGKW



9 Julai – Bahagian Pelancongan LADA telah menerima lawatan daripada YBhg. Datuk TPR Mohd Faizal Bin Hamzah, Pengarah Plan Malaysia Johor. Turut hadir bersama beliau ialah Yang DiPertua Majlis Daerah Mersing dan Majlis Daerah Kota Tinggi Johor. Lawatan ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman isu dan cabaran bersama Bahagian Pelancongan dalam menguruskan industri pelancongan di Langkawi.

Selain itu, lawatan ini diadakan bertujuan untuk mendapatkan taklimat berkaitan Pembangunan Geopark di Langkawi. Diharapkan dengan perkongsian pengalaman ini sedikit sebanyak dapat membantu pihak Majlis Daerah Mersing dan Majlis Daerah Kota Tinggi dalam menguruskan produk pelancongan di kedua-dua daerah di negeri Johor Darul Takzim. Sesi taklimat dan lawatan tersebut turut dihadiri oleh 37 warga kerja majlis.



#KitaJagaLGKW

28

9 Ogos – Delegasi daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) yang diketuai oleh Tuan Haji Zazali Bin Haron, Timbalan Pengerusi Eksekutif telah mengadakan lawatan rasmi ke LADA. Lawatan ini bertujuan untuk bertukar pandangan, mempelajari serta mengeratkan kerjasama antara kedua-dua agensi.



29

16 Ogos - YBhg. Dr. Hezri Adnan, Ketua Pegawai Eksekutif LADA telah mengadakan satu lawatan ke tapak insinerator Langkawi. Satu taklimat ringkas telah disampaikan oleh En. Mohd Nur Khairi Bin Jasni, pengurus tapak projek mengenai tatacara pengurusan serta perjalanan projek tersebut. Turut hadir bersama ke lawatan ini ialah En. Ridzuan Indam dari SWCorp Langkawi, Puan Nik Nurbaini Binti Jamaludin, Bahagian Teknikal SWCorp Kedah serta pegawai-pegawai LADA bagi meninjau prestasi pelaksanaan projek.



16 Ogos - Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) telah menerima lawatan daripada Persatuan Sentuhan Kembara Malaysia. Seramai 20 orang terlibat dalam lawatan yang telah berlangsung di Geopark Discovery Centre. Sesi taklimat berkaitan pembangunan Langkawi telah disampaikan oleh En. Nor Azman Yusof, Ketua Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Unit Khidmat Korporat.



18 Ogos - Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) telah menerima lawatan daripada Sekretariat Pulau Bebas Cukai Pangkor, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Lawatan ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan aktiviti pembangunan LADA termasuklah pelaksanaan projek pembangunan dan aktiviti perniagaan bebas cukai di Langkawi. Delegasi lawatan diketuai oleh Puan Laila Mazuin binti Zakaria, Pengarah Sekretariat Pulau Bebas Cukai Pangkor, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.



#IntegrityToday

32

19 Ogos - Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis telah mengadakan lawatan ke Pulau Langkawi bagi mendapatkan maklumbalas pembangunan pelancongan Pulau Langkawi mengenai penyediaan Pelan Induk Perancangan Fizikal Pelancongan Negeri Perlis. Lawatan ini disertai oleh 19 orang pegawai yang mewakili BPEN Negeri Perlis, PlanMalaysia Zon Utara, PlanMalaysia Perlis dan Majlis Perbandaran Kangar. Taklimat berkaitan pembangunan Langkawi telah disampaikan oleh Encik Nor Azman bin Yussuf @ Abu Bakar, Unit Khidmat Korporat LADA.



#KitaJagaLGKW

33

27 Ogos - Satu lawatan telah diterima daripada Tourism Selangor yang mana delegasi lawatan ini telah diketuai oleh En. Azrul Shah bin Mohamad, Pengurus Besar Tourism Selangor. Beberapa perkongsian menarik telah dibincangkan bersama pihak LADA bagi bersama-sama mengembangkan sektor pelancongan di Langkawi dan Selangor.



#KitaJagaLangkawi
#naturallylangkawi

34

7 September - LADA telah menerima kunjungan hormat daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Perlis. Delegasi ini diketuai oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis iaitu YB Tuan Azman Bin Mohd Yusof. Di dalam sesi ini, YBhg. Dr. Hezri Adnan, Ketua Pegawai Eksekutif LADA telah menyampaikan taklimat berkaitan perancangan Pelan Hala Tuju Ekonomi Langkawi @ HELANG yang berlangsung selama satu jam dan ianya memberi peluang kepada kedua-dua belah pihak untuk bertukar pandangan terutamanya dalam menangani cabaran pemulihan ekonomi serta pembangunan industri pelancongan di kedua-dua tempat.

Lawatan ini turut dihadiri oleh YB Asmaiza binti Ahmad (Exco Kemajuan Luar Bandar & Pembasmian Kemiskinan, Pembangunan Pusat Pertumbuhan Baru, Pelancongan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan), YB Rozieana binti Ahmad (Exco Pendidikan, Pembangunan Sumber Manusia, Sains, Teknologi & Inovasi, Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT), Encik Azraai Zain bin Tusimin (Setiausaha Bahagian Perancang Ekonomi Negeri) serta bersama beberapa orang pegawai kanan.



#HELANG
#Kitajagalangkawi
#naturallylangkawi
#langkawiunescoglobalgeopark

35

10 September - LADA dan Panorama Langkawi Sdn. Bhd. telah mengadakan lawatan penanda aras ke TKPM, Bukit Perak, Pendang bagi meninjau dan berkongsi pengalaman bersama Pejabat Pertanian Daerah Pendang berkaitan projek tanaman sayuran dan buah-buahan yang diusahakan.


Lawatan ini diadakan bertujuan untuk menambah ilmu pengetahuan dan meningkatkan kerjasama antara LADA dan Jabatan Pertanian dalam usaha menggerakkan pelaksanaan projek tanaman yang direncanakan di bawah Pelan Hala Tuju Ekonomi Langkawi (HELANG) melalui strategi Projek Ekonomi Baru.

Lawatan ini telah diketuai oleh Tuan Haji Rohaizat Rashid, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Sektor Pengurusan LADA dan beberapa pegawai kanan dari LADA dan PLSB.




#IntegrityToday

36



37





SIDANG EDITOR/EDITORIAL

Penaung : YBhg. Dr. Hezri Adnan
 Penasihat : YBrs. Haji Rohaizad B Rashid
 Ketua Editor : Puan Nordiana Bt Nordin
 Sidang Pengarang : Encik Khairul Nizam B Abdul Ghalim
 Puan Nor Azlina Bt Mohd Zin
 Encik Zamri B Ibrahim
 Encik Muhammad Irfan B Saadi

Jawatankuasa
 E-Buletin LADA

Encik Muhammad Izzat Bin Ghazali
Unit Pemantauan dan Pelaksanaan (DMO)
 Cik Nor Amira Bt Man
Bahagian Pelaburan dan Pemudahcara Perniagaan
 Puan Norazizah Bt Abdul Jalil
Bahagian Kewangan
 Puan Mastura Binti Aziz
Bahagian Pengurusan Aset
 Puan Zalina Binti Matt Saman
Bahagian Pelancongan
 Puan Noor Munirah Binti Mohamad
Bahagian Perancangan dan Pembangunan
 Encik Mohd Ridzuan Bin Maghribi
Bahagian Teknikal
 Puan Fatimah Binti Baharuddin
Unit Undang-Undang
 Encik Mohd Shahrul Nizam Bin Awang
Bahagian Teknologi Maklumat
 Puan Wan Suffurina Bt Wan Sulaiman
Unit Integriti
 Cik Wan Aida Munirah Binti Wan Ismail
Unit Audit Dalam
 Puan Irlayani Binti Isa
Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan

Grafik/Rekaletak : Encik Mohamad Firdaus Helmi Bin Fazil
 Urusetia & Edaran : UKK/IT
 Terbitan : LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (LADA)

diterbitkan oleh :



UNIT KHIDMAT KORPORAT

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (LADA)

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI

Kompleks LADA, Peti Surat 60,

Jalan Persiaran Putra

07000 Langkawi Kedah

Tel : 04-9600 600

Faks : 04-9600 509

LADA